

Hospital Kumpulan Columbia Asia beri kerjasama dalam usaha kekang COVID-19

BINTULU: Kumpulan Columbia Asia telah membentuk kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha memerangi wabak COVID-19 dengan mewujudkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di hospital-hospital miliknya di negara ini.

Ia bertujuan untuk membantu mempercepat pemberian vaksin dalam kalangan syarikat korporat dengan membentuk kolaboratif, antaranya, di Bintulu PPV diwujudkan khusus untuk memberisuntikan vaksin kepada pekerja sektor industri minyak dan gas.

Hospital Columbia Asia Bintulu dan Petronas telah bekerjasama dalam menubuhkan Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) di Kelab Kidurong Bintulu yang bertujuan untuk memberi vaksin kepada 5,000 pekerja syarikat minyak dan gas di bahagian ini.

Ia mula beroperasi pada 5 Julai lalu dan kakitangan hospital ini bekerja sebaiknya dalam menjalankan ujian calitan COVID-19 dan vaksinasi kepada pekerja sektor terbabit.

Selain Bintulu, Hospital Columbia Asia Miri juga memulakan kerjasama dengan penyedia penjagaan kesihatan pihak ketiga untuk tujuan vaksinasi.

Mulai 8 Julai lalu, hospital ini telah bergabung dengan syarikat kesihatan Kualitas untuk memberi vaksin kepada pekerja minyak dan gas di pejabat Petronas Carigali Lutong, Miri.

Hospital ini juga PPV pertama dalam kumpulan hospital Columbia Asia ketika mereka melancarkan vaksinasi pada 25 Mei lalu diikuti cawangan lainnya.

Dengan jumlah kes yang meningkat, Malaysia berhasrat mempercepat Kempen Vaksinasi COVID-19 yang mana KKM meningkatkan sasaran 300,000 dos vaksin



TERSENARAI: PPV Hospital Columbia Asia Puchong.



MUDAH: Penerima vaksin mendaftar diri untuk mendapat suntikan vaksin di Hospital Columbia Asia Iskandar Puteri.

COVID-19 sehari pada Julai hingga 400,000 dos sehari mulai Ogos.

Ini bermaksud kerajaan memerlukan lebih banyak tenaga dan sumber daya dan untuk membantu kementerian mencapai sasaran ini dan negara untuk mencapai imuniti kelompok, Kumpulan Columbia Asia telah menawarkan diri mengambil peranan sebagai PPV di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Sejak peluang PPV dibuka kepada hospital swasta, Columbia Asia telah proaktif dalam mendaftarkan hos-

pitalnya sebagai pusat vaksinasi.

Ini dilakukan melalui permohonan yang diserahkan kepada ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth), anak syarikat milik penuh bukan berkeuntungan iaitu ProtectHealth Malaysia yang ditubuhkan di bawah KKM.

Penyelaras Perkhidmatan Kecemasan Wilayah Columbia Asia Dr Sharonpal Singh berkata, persediaan hospital mereka agak kecil berbanding hospital lain namun mereka komited untuk memerangi wabak ini bersama-sama dengan mempercepat kempen



SELESA: Ruang menunggu PPV Hospital Columbia Asia Setapak.



MANTAP: Pasukan vaksinasi di PPV Hospital Columbia Asia Miri.

vaksinasi COVID-19.

"Pasukan hospital kami merancang dan membina aliran kerja yang berdaya maju dan tersusun khususnya bilik dan ruang supaya dapat menjalankan tugas sebagai PPV," ujarnya dalam kenyataan semalam.

Pada masa ini, hospital-hospital Kumpulan Columbia Asia bekerja dengan KKM melalui lapan cabangnya yang kini berfungsi sebagai PPV iaitu Bintulu, Iskandar Puteri, Miri, Setapak, Puchong, Seremban, Taiping dan Tebrau.

Kira-kira 160 kakitangan hospital Columbia Asia di

lapangan telah ditugaskan untuk menguruskan vaksinasi segera di lima negeri membabitkan Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jumlah vaksin yang diperuntukkan untuk setiap hospital sukarela bergantung kepada sumber yang ada seperti ruang dan tenaga kerja. Secara kolektif, lapan hospital Columbia Asia mempunyai kapasiti vaksinasi 600 orang sehari.

Selain itu, Bukit Rimau dan cawangan Klang adalah pusat ujian untuk vaksin baharu dari China.